

PERINTAH TEMBAKAU 2005

PEMBERITAHUAN TEMBAKAU (LARANGAN DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU) (PINDAAN), 2012

JADUAL PERTAMA

TEMPAT-TEMPAT TERTENTU DI MANA MEROKOK DAN VAPING ADALAH DILARANG MENURUT UNDANG-UNDANG

- 1 Merokok dan Vaping di tempat-tempat ini boleh dikenakan denda sebanyak \$300 minima.
- 2 Penyediaan Zon Khas Untuk Merokok / Vaping di tempat-tempat ini adalah tidak dibenarkan.
- 3 Penyediaan 'ashtray' / tempat pembuangan abu rokok di tempat ini adalah tidak dibenarkan.



Premis Kerajaan
(Bangunan & mana-
mana tanah
bersebelahan yang
digunakan berhubung
dengannya)



Mana-mana
kawasan dalam
institusi
pendidikan.



Mana-mana
kawasan dalam
institusi
pendidikan
tinggi.



Hospital, klinik
dan rumah
penjagaan.



Mana-mana
kawasan dalam
sesebuah
tadika



Muzium awam
dan
galeri seni
awam



Mana-mana
pos kawalan
imigresen
termasuk
premisnya



Perpustakaan
awam.



Premis Pejabat
(Bangunan & mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berhubung dengannya)



Bangunan atau tempat awam yang digunakan bagi maksud-maksud keagamaan



Terminal pengangkutan awam, tempat perhentian bas atau teksi



Mana-mana tempat awam di mana 2 orang atau lebih beratur



Institusi kewangan



Mana-mana lapangan terbang termasuk premis-premisnya.



Mana-mana kawasan di dalam sesebuah stesen minyak.



Kilang & Bengkel



Kolam renang awam, Gimnasium, Pusat aerobik dan kecergasan



Arena sukan, Stadium sukan atau mana-mana premis yang digunakan bagi aktiviti sukan



Mana-mana kawasan yang digunakan bagi sebarang aktiviti perhimpunan dalam bangunan



Dewan atau Bilik Upacara (termasuk yang terletak dalam hotel sama ada atau tidak ia digunakan untuk mesyuarat, seminar, pameran atau menghidang makanan)



Koridor, lobi dan tempat awam lain (dalam hotel, pusat peranginan, rumah rehat, pangsapuri, kondominium, flat, hostel atau premis pejabat)



Ruangtangga, bilik air dan lif (dalam hotel, pusat peranginan, rumah rehat, pangsapuri, kondominium, flat, hostel atau premis pejabat)



Ruang tangga awam, Lif awam atau Bilik air awam



Laluan pejalan kaki dan mana-mana kawasan dalam lingkungan 6 meter dari garisan keliling bangunan



Pusat kecantikan dan kesihatan, spa atau pusat urut



Kafe Internet



Mana-mana kawasan di Taman Rekreasi



Panggung wayang, Lorong boling, Dewan billiard, Bilik permainan arked



Restoran (termasuk bilik air yang terletak di dalamnya dan mana-mana kawasan tempat makan yang disediakan di luar)



Mana-mana tempat makan termasuk bilik air yang terletak di dalamnya



Pasar, gerai, pondok niaga, tamu atau mana-mana premis perniagaan



Kedai dan Kompleks membeli-belah (termasuk bilik air, laluan pejalan kaki, ruang tangga, letak kereta dalam bangunan dan kawasan dalam lingkungan 6 meter dari garisan keliling bangunan)

PERINTAH TEMBAKAU 2005

PEMBERITAHUAN TEMBAKAU (LARANGAN DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU) (PINDAAN), 2012

JADUAL KEDUA

KENDERAAN-KENDERAAN TERTENTU DI MANA MEROKOK DAN VAPING ADALAH DILARANG MENURUT UNDANG-UNDANG

- 1 Merokok dan Vaping di atas kenderaan-kenderaan ini boleh dikenakan denda sebanyak \$300 minima.
- 2 Penyediaan 'ashtray' / tempat pembuangan abu rokok di kenderaan-kenderaan ini adalah tidak dibenarkan.



BAS BERMOTOR

Kenderaan perkhidmatan awam yang mempunyai tempat duduk bagi 7 orang atau lebih



BAS SEWA PERSENDIRIAN

Bas yang disewa di bawah suatu kontrak bagi penggunaan kenderaan tersebut keseluruhannya.



BAS PERSENDIRIAN

Bas yang dimiliki oleh mana-mana orang dan digunakan hanya untuk membawa pekerja-pekerja pemilik bas tersebut atau bagi membawa orang-orang berhubung dengan perniagaannya.



BAS SEKOLAH




TEKSI

PERINTAH TEMBAKAU 2005
PEMBERITAHUAN TEMBAKAU (LARANGAN DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU)
(PINDAAN), 2012

Para 3 - Merokok tidak dibenarkan di tempat-tempat tertentu

Merokok tidak dibenarkan di dalam bangunan-bangunan atau sebahagiannya yang dinyatakan dalam Jadual Pertama termasuk kakilimanya dan dalam lingkungan 6 meter dari garisan keliling bangunan, mengikut mana yang berkenaan dan di dalam kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

**RAJAH 1: KAWASAN LARANGAN MEROKOK DAN VAPING BAGI BANGUNAN
MENURUT PARA 3 DI ATAS**



Bangunan-bangunan yang dimaksudkan dalam Rajah 1 di atas termasuklah;

1. Mana-mana bangunan yang **bukan** terletak dalam **premis kerajaan** (sila rujuk Rajah 2);
2. Mana-mana bangunan yang **bukan** terletak dalam **premis pejabat** (sila rujuk Rajah 2);
3. Mana-mana kedai perniagaan dan kompleks membeli belah.


TAFSIRAN DI BAWAH PERINTAH TEMBAKAU 2005
PEMBERITAHUAN TEMBAKAU (LARANGAN DI TEMPAT-TEMPAT TERTENTU)

“**PREMIS**” bermaksud sesebuah bangunan, khemah atau struktur lain, sama ada kekal atau pun selainnya, dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berhubung dengannya, dan juga termasuk sesebuah kenderaan.

“**PREMIS KERAJAAN**” bermakna mana-mana premis yang dimiliki atau diduduki oleh Kerajaan atau mana-mana badan berkanun.

“**PREMIS PEJABAT**” bermakna mana-mana bilik atau premis atau sebahagiannya yang penggunaannya yang satu-satunya atau utama adalah bagi menjalankan sebarang kerja pentadbiran atau perkeranian atau kerja lain yang berkaitan.

**RAJAH 2: KAWASAN LARANGAN MEROKOK DAN VAPING
BAGI PREMIS KERAJAAN DAN PREMIS PEJABAT**



Premis yang dimaksudkan dalam Rajah 2 di atas termasuklah;

1. **Premis kerajaan** termasuk pejabat-pejabat kerajaan, institut pendidikan, institut pendidikan tinggi, hospital dan klinik kesihatan kerajaan, pos kawalan imigresen, masjid, lapangan terbang dan premis-premisnya, stadium dan mana-mana premis sukan milik kerajaan, Taman Rekreasi, perpustakaan, muzium, terminal pengangkutan awam, dewan perhimpunan, dan lain-lain premis termasuk pasar dan tamu yang dimiliki atau diduduki oleh kerajaan atau mana-mana badan berkanun.
2. **Premis pejabat** yang dimiliki atau diduduki oleh organisasi swasta.